
12. BAYARAN PERKHIDMATAN DAN PENYENGGARAAN TRAFIK UDARA SERTA PERALATAN OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT

**Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
Kementerian Pengangkutan Malaysia**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Civil Aviation Authority of Malaysia - CAAM) berfungsi bagi menyediakan perkhidmatan trafik udara, kalibrasi penerbangan dan koordinasi aktiviti mencari dan menyelamat. CAAM juga berfungsi bagi mewakili Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa dalam perkara penerbangan awam serta menasihati Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkara melibatkan penerbangan awam.

1.2. Perolehan secara tender dan rundingan terus di CAAM secara keseluruhannya adalah berjumlah RM485.89 juta bagi tempoh kontrak antara tahun 2017 hingga 2022 atau RM161.32 juta setahun. Ia meliputi 11 tender berjumlah RM268.48 juta atau RM88.85 juta setahun dan lima (5) rundingan terus berjumlah RM217.41 juta atau RM72.47 juta setahun.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan perkhidmatan dan penyenggaraan trafik udara serta peralatan operasi mencari dan menyelamat dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada perolehan secara tender dan rundingan terus yang masih berkuat kuasa sehingga bulan Disember 2019 di Bahagian Pengurusan Trafik Udara, Bahagian Kalibrasi Penerbangan, CAAM Kuala Lumpur International Airport (CAAM KLIA), Unit Perolehan Bahagian Khidmat Pengurusan serta Bahagian Pengurusan Kewangan.

3.2. Semakan telah dibuat terhadap lapan (8) tender dan rundingan terus bagi tempoh kontrak antara tahun 2017 hingga 2021 berjumlah RM107.54 juta atau

RM37.58 juta setahun. Sebanyak 76 sampel baucar bayaran berjumlah RM27.13 juta bagi bayaran bulan Januari hingga Disember 2019 telah disemak. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.1**.

JADUAL 12.1
SAMPEL DOKUMEN TENDER DAN RUNDINGAN TERUS
ANTARA TAHUN 2017 HINGGA 2021

PEROLEHAN		NILAI KONTRAK (RM Juta)		BAUCAR BAYARAN	
KAEDAH	BIL.	KESELURUHAN	SETAHUN	BIL.	AMAUN (RM Juta)
Tender	4	65.03	23.41	36	16.59
Rundingan Terus	4	42.51	14.17	40	10.54
JUMLAH	8	107.54	37.58	76	27.13

Sumber: Daftar Kontrak CAAM

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan perolehan. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai CAAM serta wakil syarikat turut dilaksanakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 27 Februari hingga 16 Mac 2020. Maklum balas daripada CAAM telah diterima pada 4 Jun 2020, 4 September 2020 dan 24 September 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) diadakan pada 7 Julai 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1. hingga 4.4.

4.1. Kontrak Tender Perkhidmatan Penyenggaraan *Global Navigation Satellite System Flight Procedures Designer Hardware And Software*

Global Navigation Satellite System (GNSS) Flight Procedure Design and Airspace Management (FPDAM) adalah satu sistem aplikasi yang diiktiraf oleh *International Civil Aviation Organisation (ICAO)*. Sistem ini membantu meningkatkan keupayaan penyediaan prosedur operasi penerbangan dan menyelenggara prosedur dengan kaedah automasi berkomputer. Kaedah ini menggunakan data digital sepenuhnya supaya lebih selamat, tepat, cepat, sistematik dan berkualiti. Sistem ini memerlukan penyenggaraan yang komprehensif untuk memastikan ia berfungsi dalam keadaan yang memuaskan bagi menghasilkan prosedur penerbangan yang tepat dan selamat.

Kontrak Tender Perkhidmatan Penyenggaraan GNSS *Flight Procedures Designer Hardware and Software* adalah bagi tempoh 36 bulan iaitu dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021 bernilai RM1.86 juta atau RM51,665 sebulan. Kontrak ini meliputi perkhidmatan penyenggaraan perkakasan, penyenggaraan perisian, latihan kepada

pegawai serta bayaran perkhidmatan pasukan bantuan teknikal dan penyenggaraan projek.

4.1.1. Bayaran Sejumlah RM50,220 Dibuat Bagi Latihan *Flight Procedure Design And Airspace Management For Operators* Yang Belum Dilaksanakan Untuk Tahun 2019

- a. Perenggan 3.2 (a) dalam kontrak menyatakan bayaran bulanan dibuat kepada syarikat berdasarkan Jadual Pembayaran di Jadual 7 kepada kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan GNSS *Flight Procedures Designer Hardware and Software*. Bayaran adalah sejumlah RM51,665 sebulan dan termasuk bayaran bagi perkhidmatan latihan sejumlah RM4,185 sebulan.
- b. Perenggan 3.2 (d) dalam kontrak menyatakan pembayaran tidak akan diproses dan dibayar sehingga semua kerja selesai dan diperakukan oleh agensi. Dua (2) jenis latihan yang perlu dilaksanakan seperti pada *bill of quantities* (BQ) kepada kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan GNSS *Flight Procedures Designer Hardware and Software* adalah seperti dalam **Jadual 12.2**.

**JADUAL 12.2
BUTIRAN LATIHAN SEPERTI *BILL OF QUANTITIES***

BIL.	PERIHAL LATIHAN	BILANGAN (HARI)	TEMPOH (TAHUN)	AMAUN (RM)		
				3 TAHUN	1 TAHUN	1 BULAN
1.	<i>FPDAM 10 Refresh Training</i>	10	3	150,660	50,220	4,185
2.	<i>Microstation Training</i>	5				

Sumber: Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan GNSS *Flight Procedures Designer Hardware and Software*

- c. Setakat 31 Disember 2019, **tiada bukti dua (2) jenis latihan ini telah dilaksanakan**. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi bulan Januari hingga Disember 2019 mendapati **sejumlah RM4,185 sebulan atau RM50,220 setahun telah dibayar bagi dua (2) jenis latihan yang belum dilaksanakan**.
- d. Perkara ini berlaku kerana terma kontrak yang tidak jelas di mana bayaran ditetapkan secara bulanan walaupun pelaksanaan perkhidmatan tidak dinyatakan secara bulanan. Pembayaran dan pengesahan pelaksanaan perkhidmatan dibuat tanpa mengambil kira perkhidmatan yang tidak dilaksanakan.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 4 September 2020

Addendum pada kontrak masih dalam semakan Penasihat Undang-undang. CAAM akan membuat pelarasan bayaran sebaik sahaja *addendum* kontrak dimuktamadkan.

Pernyataan Audit | Bayaran bagi perkhidmatan latihan yang belum dilaksanakan berjumlah RM50,220 merupakan *improper payment*.

4.2. Kontrak Tender *Comprehensive Operation And Maintenance Of Terminal Approach Radar And Ancillary Equipment Complete With Spare Parts At Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor*

Kontrak ini merupakan perkhidmatan operasi dan penyenggaraan sistem *Terminal Approach Radar* (TAR) serta pembekalan alat ganti bagi memastikan sistem berkenaan berfungsi dengan tepat dan sempurna. Kontrak ini juga menghendaki pihak syarikat menyediakan perkhidmatan teknikal sepanjang tempoh kontrak.

Kontrak Tender *Comprehensive Operation and Maintenance of TAR and Ancillary Equipment Complete with Spare Parts at Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor* adalah bagi tempoh 36 bulan iaitu dari 1 Julai 2017 hingga 30 Jun 2020 bernilai RM7.68 juta atau RM213,472 sebulan. Kontrak ini meliputi kerja awalan, perkhidmatan operasi dan penyenggaraan, kerja sivil dan struktur serta lain-lain perkhidmatan yang diperincikan dalam kontrak.

4.2.1. Bayaran Berjumlah RM47,970 Dibuat Untuk Kerja Sivil Dan Struktur Yang Belum Dilaksanakan

- a. Perenggan 3.2 (a) dalam kontrak menyatakan bayaran bulanan dibuat kepada syarikat berdasarkan Jadual Pembayaran di Jadual B kepada kontrak *Comprehensive Operation and Maintenance of TAR and Ancillary Equipment Complete with Spare Parts at Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor*. Bayaran adalah sejumlah RM213,472 sebulan.
- b. Perenggan 3.2 (d) dalam kontrak menyatakan pembayaran tidak akan diproses dan dibayar sehingga semua kerja selesai dan diperakukan oleh agensi. Butiran kerja sivil dan struktur pada Item I, BQ yang perlu dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 12.3**.

**JADUAL 12.3
BUTIRAN KERJA SIVIL DAN STRUKTUR SEPERTI *BILL OF QUANTITIES***

BIL.	ITEM SIVIL DAN STRUKTUR	AMAUN (RM)		
		3 TAHUN	1 TAHUN	1 BULAN
1.	Penyenggaraan dan pemuliharaan bangunan TAR, tempat perlindungan dan pondok pengawal (pembersihan, pemotongan rumput, papan tanda, pagar dan lain-lain).	86,364	28,788	2,399
2.	Kerja mengecat (dalam dan luar) tempat perlindungan, pondok pengawal, pagar dan pintu termasuk papan tanda, kabin keluli, bangunan generator dan tiang antena.	57,564	19,188	1,599
JUMLAH		143,928	47,976	3,998

Sumber: Kontrak *Comprehensive Operation and Maintenance of TAR and Ancillary Equipment Complete with Spare Parts at Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor*

- c. Pemeriksaan fizikal Audit dan pengesahan daripada pihak syarikat menunjukkan kerja mengecat di bawah item kerja sivil dan struktur masih belum dilaksanakan di bangunan *Terminal Approach Radar* setakat 3 Mac 2020. Kontrak telah tamat pada 30 Jun 2020. Sehingga *Exit Conference* pada 7 Julai 2020, CAAM mengesahkan kerja tersebut masih belum dilaksanakan. Merujuk kepada maklum balas CAAM, kerja tersebut hanya disiapkan pada 21 Julai 2020. Berdasarkan pengiraan Audit, **sejumlah RM1,599 sebulan atau RM47,970 untuk tempoh 30 bulan telah dibayar kepada pihak syarikat bagi kerja yang belum dilaksanakan dari bulan Julai 2017 hingga Disember 2019.** Butiran kerja yang belum dilaksanakan adalah seperti dalam **Gambar 12.1, 12.2, 12.3 dan 12.4.**

GAMBAR 12.1



Bangunan Utama
- Kerja Mengecat Tidak Dilaksanakan
(03.03.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12.2



Pondok Pengawal
- Kerja Mengecat Tidak Dilaksanakan
(03.03.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12.3



Tiang Antena
- Kerja Mengecat Tidak Dilaksanakan
(03.03.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12.4



Pintu Pagar
- Kerja Mengecat Tidak Dilaksanakan
(03.03.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Perkara ini berlaku kerana terma kontrak yang tidak jelas di mana bayaran ditetapkan secara bulanan walaupun pelaksanaan kerja tidak dinyatakan secara bulanan. Pembayaran dan pengesahan pelaksanaan kerja dibuat tanpa mengambil kira kerja yang tidak dilaksanakan.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 4 September 2020

Berdasarkan laporan yang telah diterima pada 3 September 2020, kerja-kerja sivil telah dilaksanakan dan siap sepenuhnya pada 21 Julai 2020 seperti dalam **Gambar 12.5, 12.6, 12.7** dan **12.8**. Laporan dan kerja ini telah disahkan oleh Penolong Pengarah, CAAM KLIA. Tiada bayaran dibuat untuk bulan terakhir kontrak iaitu bagi tempoh Jun 2020. CAAM akan membuat pengasingan bagi butiran kerja bersifat *one-off* dan berjadual bagi kontrak yang akan datang.

GAMBAR 12.5



Bangunan Utama
- Kerja Mengecat Telah Dilaksanakan
(Sumber: CAAM)

GAMBAR 12.6



Bangunan Utama
- Kerja Mengecat Telah Dilaksanakan
(Sumber: CAAM)

GAMBAR 12.7



Bangunan Utama
- Kerja Mengecat Telah Dilaksanakan
(Sumber: CAAM)

GAMBAR 12.8



Bangunan Utama
- Kerja Mengecat Telah Dilaksanakan
(Sumber: CAAM)

Pernyataan Audit | **Bayaran bagi kerja sivil dan struktur yang belum dilaksanakan pada masa bayaran dibuat adalah merupakan *improper payment*.**

4.3. Kontrak Tender *The Comprehensive Operation And Maintenance Of Air Traffic Control Systems, Ancillary Equipment Complete And Spare Parts At Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor; And Simultaneous Parallel Approach, Fallback Systems And Ancillary Equipment And Spare Parts At Kuala Lumpur Air Traffic Centre, Subang, Selangor*

Kontrak ini merupakan perkhidmatan operasi dan penyenggaraan sistem yang terlibat serta pembekalan alat ganti bagi memastikan sistem berkenaan berfungsi dengan tepat dan sempurna. Kontrak ini juga menghendaki pihak syarikat menyediakan perkhidmatan teknikal sepanjang tempoh kontrak.

Kontrak Tender *The Comprehensive Operation and Maintenance of Air Traffic Control Systems (ATCS), Ancillary Equipment Complete and Spare Parts at Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor; and Simultaneous Parallel Approach (SPA), Fallback Systems and Ancillary Equipment and Spare Parts at Kuala Lumpur Air Traffic Centre, Subang, Selangor* adalah bagi tempoh 36 bulan iaitu dari 1 Mei 2017 hingga 30 April 2020 bernilai RM50.04 juta atau RM1.39 juta sebulan.

4.3.1. Bayaran Berjumlah RM829,027 Dibuat Untuk Latihan Kompetensi Dan Latihan Berulang Yang Tidak Dilaksanakan

- a. Perenggan 3.2 (a) dalam kontrak menyatakan bayaran bulanan dibuat kepada syarikat berdasarkan Jadual Pembayaran di Jadual C kepada kontrak *The Comprehensive Operation and Maintenance of ATCS, Ancillary Equipment Complete and Spare Parts at Kuala Lumpur International Airport,*

Sebang, Selangor; and SPA, *Fallback Systems and Ancillary Equipment and Spare Parts* at Kuala Lumpur Air Traffic Centre, Subang, Selangor. Bayaran adalah sejumlah RM1.39 juta sebulan. Perenggan 3.2 (d) dalam kontrak menyatakan pembayaran tidak akan diproses dan dibayar sehingga semua kerja selesai dan diperakukan oleh agensi.

- b. Perenggan 3.13 kepada Jadual A pada kontrak menjelaskan latihan kompetensi (*competency training*) perlu dilaksanakan oleh jurulatih bertauliah daripada *Original Equipment Manufacturer* (OEM) sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh kontrak bagi kesemua 11 sistem. Bukti dalam bentuk sijil dan laporan siap kursus perlu dikemukakan kepada agensi dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh latihan. Item E, BQ dalam kontrak menetapkan amaun latihan kompetensi adalah sejumlah RM6.93 juta untuk tempoh tiga (3) tahun atau RM192,638 sebulan melibatkan 11 sistem dengan kadar bayaran yang berbeza. Perenggan 3.14 kepada Jadual A pada kontrak pula menjelaskan latihan berulang (*recurrent training*) perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi kesemua 11 sistem dan dilaporkan secara bertulis kepada agensi. Item J, BQ dalam kontrak menetapkan amaun latihan berulang pula adalah sejumlah RM126,000 untuk tempoh tiga (3) tahun atau RM3,500 sebulan melibatkan semua sistem ini.
- c. Semakan Audit mendapati latihan kompetensi bagi satu (1) daripada 11 sistem iaitu *Voice Recording System* (VRS) tidak dilaksanakan. Semakan terhadap baucar bayaran, invoice pembekal dan dokumen sokongan setakat 31 Disember 2019 mendapati **bayaran berjumlah RM757,760 atau RM23,680 sebulan untuk tempoh 32 bulan telah dibuat bagi latihan kompetensi VRS yang tidak dilaksanakan.**
- d. Semakan Audit selanjutnya turut mendapati latihan berulang bagi tujuh (7) daripada 11 sistem iaitu *R&S Air-Ground Radio*, *Terminal Monitoring System* (TMS), *Voice Communication Systems* (VCSS), VRS, *Surface Movement Radar* (SMR), *OTE AG Radio* serta *Leonardo SPA* tidak dilaksanakan. **Bayaran berjumlah RM71,267 untuk tempoh 32 bulan telah dibuat bagi latihan berulang yang tidak dilaksanakan sehingga 31 Disember 2019.**

- e. **Tiada bukti latihan tersebut telah dilaksanakan seperti kehendak kontrak iaitu dalam bentuk sijil dan laporan siap kursus.** Kontrak telah tamat pada 30 April 2020 dan sehingga maklum balas yang diterima pada 24 September 2020, CAAM masih belum mengemukakan bukti menunjukkan latihan tersebut telah dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.4**.

**JADUAL 12.4
SENARAI LATIHAN TIDAK DILAKSANAKAN**

BIL.	NAMA SISTEM	AMAUN 3 TAHUN* SETAKAT 30.04.2020 (36 BULAN)	BILANGAN LATIHAN MENGIKUT KONTRAK	PENGIRAAN AUDIT			
		(RM)		AMAUN DIBAYAR SETAKAT 31.12.2019 (32 BULAN) (RM)	BILANGAN LATIHAN DILAKSANAKAN	AMAUN PATUT BAYAR SETAKAT 31.12.2019 (RM)	AMAUN TERLEBIH BAYAR (RM)
		(a)		(c)**	(d)	(e) = (c) x (d)	(f) = (c) - (e)
LATIHAN KOMPETENSI							
1.	<i>Voice Recording System (VRS)</i>	852,480	1	757,760	0	0	757,760
JUMLAH		852,480	1	757,760	0	0	757,760
LATIHAN BERULANG							
1.	<i>R&S Air-Ground Radio</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
2.	<i>Terminal Monitoring System (TMS)</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
3.	<i>Voice Communication Systems (VCSS)</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
4.	<i>Voice Recording System (VRS)</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
5.	<i>Surface Movement Radar (SMR)</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
6.	<i>OTE AG Radio</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
7.	<i>Leonardo SPA</i>	11,454	3	10,181	0	0	10,181
JUMLAH		80,178	21	71,267	0	0	71,267
JUMLAH KESELURUHAN		932,658	22	829,027	0	0	829,027

Nota: *Pengiraan berdasarkan BQ pada kontrak

** $(c) = (a)/36 \text{ bulan} \times 32 \text{ bulan}$ (Pengiraan Audit berdasarkan baucar bayaran setakat 31 Disember 2019)

- f. Perkara ini berlaku kerana terma kontrak yang tidak jelas di mana bayaran ditetapkan secara bulanan walaupun pelaksanaan perkhidmatan tidak dinyatakan secara bulanan. Pembayaran dan pengesahan pelaksanaan perkhidmatan dibuat tanpa mengambil kira perkhidmatan yang tidak dilaksanakan.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 4 Jun 2020

Kontrak ini adalah bersifat komprehensif yang mana pelarasan dibuat pada akhir sesuatu kontrak bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. Pihak CAAM mengambil perhatian teguran Audit berhubung perkara ini dan akan membuat pelarasan sewajarnya bagi bayaran yang dibuat berdasarkan BQ yang ditetapkan. Seterusnya CAAM akan memastikan bayaran dibuat bagi perkhidmatan yang telah diselesaikan berdasarkan BQ pada kontrak baharu akan datang agar perkara seperti ini tidak berulang.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 4 September 2020

Melalui e-mel bertarikh 21 April 2020 dan 5 Ogos 2020, pihak CAAM telah memohon pengesahan kepada syarikat berkenaan butiran pelaksanaan latihan yang telah dilaksanakan di bawah kontrak. CAAM mengambil maklum latihan-latihan telah dilaksanakan, namun pihak syarikat masih belum menyerahkan laporan lengkap berkenaan perkara ini. Pihak CAAM akan bermesyuarat pada 4 September 2020 bersama pihak syarikat berkenaan perkara ini. CAAM akan membuat pengasingan bagi butiran kerja bersifat *one-off* dan berjadual bagi kontrak-kontrak yang akan datang.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 24 September 2020

CAAM akan membuat pelarasan pembayaran semula dan penolakan akan dibuat bagi kerja-kerja yang tidak disempurnakan syarikat.

Pernyataan Audit

Bayaran bagi perkhidmatan latihan yang dibayar sebelum perkhidmatan latihan dilaksanakan berjumlah RM829,027 merupakan *improper payment*. Ini mengakibatkan kerugian di pihak agensi dan tiada pindahan kepakaran kepada pegawai CAAM.

4.4. Kontrak Rundingan Terus *The Services Of Search And Rescue Equipment*

Kontrak ini merupakan perkhidmatan penyenggaraan 100 buah rakit keselamatan mengikut tatacara dan prosedur yang diperakukan oleh pihak pembuat OEM. Pihak syarikat perlu menyediakan bantuan teknikal, pembekalan alat ganti, menyediakan bahan-bahan yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan serta menyediakan laporan seperti dalam kontrak. Kontrak Rundingan Terus *The Services of Search and Rescue (SAR) Equipment* adalah bagi tempoh 36 bulan iaitu dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021 bernilai RM2.38 juta.

4.4.1. Bayaran Berjumlah RM87,147 Dibuat Untuk Penyenggaraan Peralatan Mencari Dan Menyelamat Yang Tidak Dibekalkan

- a. Perenggan 3.1 (e) pada kontrak menyatakan pihak syarikat berhak ke atas pembayaran mengikut harga kontrak yang disenaraikan dalam BQ di Jadual 3 kepada kontrak *The Services of SAR Equipment*. Antara item yang perlu disenggara dan dibekalkan dalam rakit keselamatan adalah *beacon fast find 220 PLB, sea light, gasket, lower, valve stem, bobbin, first aid kit* serta *rations*. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.5**.

**JADUAL 12.5
PERIHAL JADUAL 3 KEPADA KONTRAK**

BIL.	TAHUN	AMAUN (RM Juta)
1.	2019	0.75
2.	2020	0.95
3.	2021	0.68
JUMLAH		2.38

Sumber: Kontrak *The Services of SAR Equipment*

- b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran, inuis pembekal, dokumen sokongan dan pemeriksaan fizikal pada 5 Mac 2020 mendapati pihak syarikat telah menuntut dan dibayar sejumlah RM0.75 juta bagi tahun 2019 selaras dengan BQ.
- c. Analisis Audit selanjutnya ke atas **dokumen *Replacement Item During Servicing* yang dikeluarkan oleh syarikat bagi 100 buah rakit keselamatan mendapati lapan (8) item tidak dibekal sepenuhnya mengikut unit yang dinyatakan dalam kontrak. Perbezaan unit peralatan yang sebenar dibekal**

menyebabkan lebih bayaran berjumlah RM87,147. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 12.6**.

JADUAL 12.6
PEMBEKALAN DAN PENYENGGARAAN SEBENAR
BERBANDING INVOIS DAN NOTA PENGHANTARAN

BIL.	ITEM	BILL OF QUANTITIES*		INVOIS (RM) (c) = (a) x (b)	ANALISIS AUDIT				LEBIHAN BAYAR (RM) (h) = (c) - (e)
		UNIT (a)	HARGA SEUNIT (RM) (b)		PEMBEKALAN SEBENAR **		KURANG BEKAL		
					UNIT	AMAUN (RM)	UNIT	AMAUN (RM)	
					(d)	(e) = (d) x (b)	(f) = (a) - (d)	(g) = (f) x (b)	
<i>Schedule Maintenance</i>									
1.	<i>Beacon, Fast Find 220 PLB</i>	100	100.00	10,000	0	0	100	10,000	10,000
JUMLAH				10,000		0		10,000	10,000
<i>Mandatory Spares - Cylinder and Valves</i>									
2.	<i>Gasket, Lower, Valve Stem</i>	200	44.55	8,910	123	5,480	77	3,430	3,430
3.	<i>Gasket, Cylinder to Body</i>	200	44.55	8,910	156	6,950	44	1,960	1,960
4.	<i>O' Seal</i>	200	22.00	4,400	156	3,432	44	968	968
5.	<i>Bobbin, Soluble Core</i>	100	311.30	31,130	98	30,507	2	623	623
6.	<i>Bobbin</i>	100	308.00	30,800	98	30,184	2	616	616
JUMLAH				84,150	-	76,553	-	7,597	7,597
<i>Replacement Life Component Spares accordingly with OEM Installation Expiry Date</i>									
7.	<i>Sea Light</i>	100	423.50	42,350	0	0	100	42,350	42,350
JUMLAH				42,350	-	0	-	42,350	42,350
<i>Overhaul Maintenance (5 yearly)</i>									
8.	<i>CO2 Cylinder Hydrostatic</i>	20	3,400.00	68,000	12	40,800	8	27,200	27,200
JUMLAH				68,000	-	40,800	-	27,200	27,200
JUMLAH KESELURUHAN								87,147	87,147

Sumber: CAAM

Nota : *Bill of Quantities = Invois = Nota Penghantaran

**Dokumen Replacement Item During Servicing

- d. Perkara ini berlaku kerana pegawai penerima peralatan di lokasi peralatan menyelamatkan ditempatkan hanya menyemak dokumen *Replacement Item During Servicing* dengan barang yang dibekalkan tanpa merujuk kepada BQ dalam kontrak. Pegawai yang membuat bayaran di ibu pejabat hanya membayar berdasarkan BQ, invois dan nota penghantaran tanpa merujuk kepada dokumen *Replacement Item During Servicing*.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 4 September 2020

CAAM telah membuat semakan semula pembekalan/penyenggaraan bagi tahun 2019 berpandukan kepada maklumat dan data yang dikemukakan oleh syarikat. Berdasarkan data yang dianalisis, CAAM mendapati:

- a. Syarikat telah mengemukakan invoice dan CAAM telah membuat bayaran berdasarkan Jadual 3 pada kontrak berjumlah RM0.75 juta.
- b. Jadual 3 pada kontrak yang ditandatangani merupakan anggaran kerja-kerja pembekalan/penyenggaraan berdasarkan maklumat pembekalan/penyenggaraan tahun 2016 yang mana didapati kurang tepat berdasarkan analisa yang dibuat oleh CAAM dan syarikat.
- c. Tambahan pula, terdapat *lapse* selama setahun (tahun 2018) yang mana tiada pembekalan/penyenggaraan dibuat kerana permasalahan dalam menandatangani kontrak baharu.
- d. CAAM mengambil maklum teguran pihak Audit dalam perkara ini. Justeru itu, beberapa langkah penambahbaikan akan dilaksanakan dalam pemantauan kontrak:
 - i. Memantau secara telus bagi kerja-kerja pembekalan/penyenggaraan yang dilaksanakan dalam kontrak ini.
 - ii. Pelaksanaan pelaporan kaedah baharu yang lebih sistematik bagi kerja-kerja pembekalan/penyenggaraan ini.
 - iii. Penambahbaikan kaedah tatakerja pembekalan/penyenggaraan oleh syarikat akan dilaksanakan di semua lima (5) stesen.

Maklum balas CAAM yang diterima pada 24 September 2020

- a. CAAM menjangkakan nilai tuntutan dan bayaran kepada syarikat bagi tahun 2020 dan 2021 akan berbeza dari Jadual 3 pada kontrak. Namun CAAM akan memastikan ianya tidak akan melebihi nilai siling bagi setiap tahun.
- b. Tanpa prejudis, CAAM akan memastikan setiap rakit keselamatan adalah dalam keadaan baik dan disenggara pada setiap masa serta boleh digunakan sekiranya berlaku bencana.
- c. CAAM akan memastikan kontrak akan datang ditambah baik supaya tiada kekeliruan antara BQ dan nilai pembekalan/penyenggaraan sebenar.

Pernyataan Audit

Setiap item yang dibekalkan harus selaras dengan syarat pembekalan dalam kontrak. Pengesahan penerimaan berdasarkan dokumen tuntutan daripada syarikat tanpa disahkan dengan maklumat peralatan sebenar yang telah diterima di lokasi menyebabkan lebih bayaran berjumlah RM87,147 dan mengakibatkan kerugian di pihak agensi. Kegagalan syarikat memenuhi obligasinya dalam kontrak menyebabkan agensi tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada kontrak yang dimeterai.

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

5.1. Memastikan butiran dan terma pada kontrak adalah jelas dan boleh diukur. Jadual pembayaran yang disediakan dalam kontrak perlu selari dengan pelaksanaan pembekalan/perkhidmatan/kerja.

5.2. Memastikan pengesahan pembayaran dan penyempurnaan bekalan serta perkhidmatan adalah berdasarkan syarat kontrak, semakan fizikal serta laporan bulanan kerja penyenggaraan dan pembekalan sebelum pembayaran dibuat. Pegawai penerima barangan perlu mempunyai maklumat dan dokumen kontrak yang lengkap untuk tujuan pengesahan.

5.3. Mengambil tindakan segera mengutip balik lebih bayaran, membuat pelarasan lebih bayaran daripada tuntutan kontrak akan datang atau melaraskannya daripada bon pelaksanaan bagi kerja penyenggaraan dan pembekalan yang tidak dilaksanakan.

5.4. Mengenakan tindakan yang sewajarnya kepada pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak dan arahan agensi seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan dan kontrak.